

Pekerja asing kembali ke Singapura

Singapura: Kementerian Tenaga Manusia (MOM) menganggarkan jumlah pekerjaan dalam negara meningkat pada suku kedua tahun ini berikutan peningkatan buruh asing selepas republik itu melonggarkan sekatan sempadan mulai April.

Menurut MOM lebih ramai penduduk mendapat pekerjaan, manakala pekerjaan bukan pemastautin pulih dengan drastik dari April hingga Jun, malah kadar pengangguran kekal pada tahap sebelum COVID-19 dengan bilangan pemberhentian pekerja juga kekal rendah.

Katanya, jumlah guna tenaga, tidak termasuk pembantu rumah asing, berkembang sebanyak 64,400 atau 1.9 peratus pada suku kedua, pada kadar yang lebih pantas berbanding suku sebelumnya (42,000 atau 1.2 peratus).

Peningkatan ini juga sebahagian besarnya disebabkan oleh pengambilan pekerja asing dalam sektor pembinaan dan pembuatan.

“Dengan kelonggaran ketara kawalan sempadan sejak April tahun ini, majikan dalam sektor itu juga mengambil pekerja untuk mengisi semula jawatan dan memenuhi permintaan yang semakin meningkat,” kata MOM dalam satu kenyataan, seperti yang dilaporkan portal



Gambar fail menunjukkan pekerja asing di sebuah penempatan di Tuas, Singapura. Kemasukan pekerja asing meningkat selepas kerajaan melonggarkan sekatan sempadan sejak April lalu. (Foto AFP)

berita CNA.

Pada masa yang sama, data menunjukkan, lebih ramai penduduk sudah mendapat pekerjaan, terutamanya dalam sektor seperti maklumat dan komunikasi, perkhidmatan profesional serta perkhidmatan kewangan.

Pengangguran menurun

Menurut MOM, kadar pengangguran juga menurun sejak ia memuncak pada Oktober 2020 dan kekal stabil selepas mencapai tahap pra-COVID-19 pada Februari.

Pada Jun 2022, kadar pengangguran keseluruhan ialah 2.1 peratus, yang mana adalah pada 2.9

peratus untuk penduduk, dan 3.1 peratus untuk warganegara.

MOM menjelaskan, pada suku kedua tahun ini, bilangan pemberhentian pekerja kekal rendah, iaitu 1,000.

Kementerian itu juga berkata, mereka menjangkakan pekerjaan bukan pemastautin akan terus berkembang pada kelajuan yang mantap apabila ia mencapai tahap pra-COVID-19 dan berdasarkan anggaran terkini, ia kekal di bawah paras 2019 iaitu kira-kira 10 peratus.

“Pekerjaan pemastautin, yang dijangka kira-kira empat peratus melebihi paras 2019, berkemungkinan akan menyaksikan per-

tumbuhan yang lemah memandangkan kadar pengangguran penduduk yang rendah,” kata kementerian itu.

Bagaimanapun, MOM turut memberi amaran bahawa halangan global, termasuk tekanan inflasi yang kuat, konflik Russia-Ukraine yang berterusan, dan kebangkitan semula pandemik COVID-19 dalam ekonomi utama seperti China, mungkin menjejaskan permintaan.

Laporan Pasaran Buruh S2 2022 yang akan dikeluarkan pada pertengahan September ini, akan memberikan butiran lanjut mengenai situasi pekerjaan di Singapura. AGENSI